

serta tidak akan menderhaka¹⁴² (kepada pemimpin) dalam sesuatu perkara yang baik.¹⁴³ Sesiapa di antara kamu dapat memenuhi (bai'ahnya itu), maka pahalanya dijamin oleh Allah.¹⁴⁴ Sesiapa yang melanggarnya, lalu ia dihukum di dunia ini,¹⁴⁵

mengandung itu berada di hadapannya dan faraj yang melahirkan anak itu adalah di antara kedua kakinya. Namun begitu, oleh kerana frasa ini digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk bai'ah dengan kaum lelaki, perlulah ia difahami bukan dengan maksud asalnya tadi. Antara maksudnya di sini ialah jangan mengada-ngadakan dusta atau jangan mereka-reka cerita untuk memfitnah orang. Tangan dan kaki adalah kinayah (kiasan) kepada empunya diri kerana sebahagian besar perbuatan manusia dilakukan oleh tangan dan kakinya. Ada juga orang yang dihukum kerana jenayah lisan yang dilakukan olehnya lalu dikatakan kepadanya: "Inilah balasan perbuatan kedua tanganmu." Boleh juga ia bermaksud, janganlah kamu mengaitkan seseorang dengan sesuatu perkara yang tidak baik kerana prasangka semata-mata atau kerana dengki terhadapnya. Sesetengah 'ulama' berpendapat frasa ini bermaksud, jangan kamu menuduh seseorang melakukan keaiban di khalayak ramai, secara terang-terangan.

¹⁴² Di dalam riwayat Bukhari tersebut "ولا تعصوني" Bermaksud: "dan jangan kamu menderhakaiku." Ia amat sesuai dengan ayat sebelumnya. Larangan menderhaka ini boleh juga dipakai dalam ertinya yang umum seperti kepada ibu bapa, guru, pemimpin dan lain-lain.

¹⁴³ معروف adalah satu kata nama yang merangkumi setiap perkara yang baik berupa menta'ati Allah, berbuat baik kepada manusia, setiap perkara elok yang dianjurkan syara' dan setiap perkara buruk yang dilarang olehnya. Nabi s.a.w. ingin mengingatkan mereka dengan sabdanya ini bahawa mereka hendaklah menta'ati sesiapa sahaja dalam perkara ma'ruf. Orang yang menganjurkan atau melakukan perkara ma'ruf tidak harus sama sekali diderhakai. Maka seharusnya seseorang itu mencuba sedaya-upaya menjauhkan dirinya daripada melakukan ma'shiat kepada Allah.

¹⁴⁴ Jika ditanya mengapa Nabi s.a.w. hanya menyebutkan perkara-perkara yang dilarang, bukan perkara-perkara yang disuruh mereka melakukannya? Jawapannya ialah, Baginda s.a.w. tidak mengabaikannya bahkan Baginda s.a.w. telah menyebutkannya secara ringkas dalam sabdanya, "ولا تعصوا" kerana derhaka adalah kata lawan kepada perintah/suruhan. Hikmah di sebalik menyebutkan banyak larangan dan bukannya suruhan adalah kerana tidak melakukan sesuatu adalah lebih mudah berbanding melakukannya, menjauhi sesuatu perkara yang buruk itu adalah lebih diutamakan berbanding mencari sesuatu perkara yang baik, membersihkan diri daripada perkara yang keji itu adalah lebih diutamakan berbanding berhias dengan perkara yang elok dan supaya mereka meninggalkan segala perkara yang terlarang itu dengan dinyatakan secara khusus tentangnya. Hadits ini juga merupakan sangkalan kepada kaum Murji'ah yang menda'wa bahawa تصديق (meyakini di dalam hati) semata-mata sudah memadai untuk seseorang memasuki syurga dan imannya tidak akan terjejas meskipun dia melakukan ma'shiat apa sekalipun.

¹⁴⁵ Sama ada dengan hukuman had atau ta'zir. Para 'ulama' berbeza pendapat sama ada hukuman itu merangkumi hukuman yang ditetapkan oleh syara' dan balasan-balasan lain yang diberi Tuhan seperti ditimpa musibah, mendapat penyakit dan lain-lain lagi atau ia khusus dengan hukuman yang ditetapkan oleh syara' sahaja? Ada yang mengatakan ia merangkumi kedua-duanya sekali seperti apa yang tersebut di dalam hadits ini: "لا يصيب المسلم نصب ولا هم ولا حزن حتى الشوكة يشاكها الرجل إلا كفر الله بها من خطاياهم" Bermaksud: Orang Islam tidak mengalami kepenatan, kesedihan atau dukacita sehingga kalau dia terkena duri sekalipun melainkan dosa-dosanya dikaffarahkan oleh Allah dengan sebabnya." (Bukhari, Muslim,

maka hukuman itu merupakan penghapus dosanya.¹⁴⁶ Dan sesiapa yang melanggarnya, lalu Allah menutupinya, maka urusannya (di akhirat kelak) terserah kepada Allah.¹⁴⁷ Mungkin ia dimaafkan atau mungkin juga ia diseksa”.¹⁴⁸ Kami terus berbai'ah kepada Baginda atas perkara-perkara tersebut. (Bukhari-Muslim).¹⁴⁹

Ahmad, Malik, Tirmizi dan lain-lain). Tetapi ada pula yang mengatakan tidak dan ia hanya merujuk kepada hukuman yang ditetapkan oleh syara' berdasarkan hadits Khuzaimah bin Tsabit yang dikemukakan oleh Ahmad dengan sanad yang hasan: “من أصاب ذنباً أقيم عليه حد ذلك” Bermaksud: “Sesiapa yang telah melakukan suatu jenayah dan kemudian ia telah dikenakan hukuman had kerana jenayah yang dilakukannya itu maka ia menjadi penghapus dosanya.” (Ahmad, ad-Daarimi, ad-Daraquthni, at-Thabaraani, al-Baihaqi, ad-Dhiyaa', Abu Nu'aim dan lain-lain). Jelas disebutkan di dalam hadits ini bahawa hukuman yang dimaksudkan adalah hukuman had, bukan dalam bentuk musibah dan bencana yang lain. Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Boleh jadi maksudnya di sini ialah musibah itu boleh menjadi penghapus dosa kepada perbuatan-perbuatan yang tidak termasuk di bawah kategori jenayah yang boleh dikenakan hukuman had kerananya.”

¹⁴⁶ Dosa perbuatannya itu akan terhapus dan dia tidak lagi akan diseksa kerananya di akhirat kelak. Imam an-Nawawi berkata: “Hadits ini adalah hadits umum makhsus. Maksudnya ialah ayat berikut terkecuali daripada erti umumnya itu. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, Maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar. (an-Nisaa': 48). Ini kerana orang murtad kalau dibunuh kerana kemurtadannya, pembunuhannya tidak menjadi penghapus dosanya.” Apa yang dapat difahami daripada hadits ini ialah pelaksanaan hukuman had ke atas seseorang itu dapat menghapuskan dosanya meskipun dia tidak bertaubat. Inilah pendapat jumhur 'ulama'. Namun ada juga 'ulama' yang berpendapat bahawa dia mesti bertaubat. Ini adalah pendapat sebahagian tabi'in, golongan mu'tazilah dan Ibnu Hazam. Dari kalangan ahli tafsir, al-Baghawi dan beberapa orang lagi turut berpendapat sedemikian. Pendapat yang pertama itu adalah pendapat Mujaahid, Zaid bin Aslam, ats-Tsauri dan Imam Ahmad. Ibnu Jarir bersetuju dengan pendapat ini dan dia menganggap terlalu lemah pendapat yang sebaliknya. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Bari berkata: “Al-Baghawi dan orang-orang yang sependapat dengannya berhujjah bahawa orang-orang yang sempat bertaubat terampun dosanya berdasarkan firman Allah s.w.t. ini:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Bermaksud: kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu); Maka ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (al-Maa'idah: 34). Jawapannya ialah ayat ini merujuk kepada balasan di dunia. Kerana itulah Allah s.w.t. mengaitkan ayat ini dengan kataNya: sebelum kamu dapat menangkapnya.”

¹⁴⁷ Ya'ni urusan dan hukumannya berupa kema'afan atau balasan itu terserah kepada Allah s.w.t. Kerana tidak wajib (mesti) atas Allah menyeksa orang yang derhaka kepadaNya sebagaimana tidak wajib (mesti) juga atas Allah memberi ganjaran kepada orang yang ta'at kepadaNya mengikut pendapat yang benar. Rangkai kata ini menolak da'waan golongan

Khawarij yang menghukum kafir orang-orang yang berbuat dosa dan golongan Mu'tazilah yang menganggap mesti dihukum orang fasiq yang mati tanpa bertaubat, kerana Nabi s.a.w. telahpun menegaskan bahawa ia terpulang kepada مشيئة atau kehendak Allah. Baginda s.a.w. tidak bersabda, dia mesti akan diseksa Allah.

¹⁴⁸ Sama ada orang berkenaan bertaubat atau tidak. Itulah pendapat satu golongan 'ulama'. Menurut jumhur 'ulama', orang yang bertaubat mungkin tidak akan diseksa lagi. Walau bagaimanapun itu bukanlah suatu yang pasti. Kerana manusia tidak mengetahui sama ada taubatnya diterima atau tidak. Sesetengah 'ulama' membezakan di antara dosa yang menyebabkan seseorang wajib dikenakan had dan dosa yang tidak menyebabkan ia wajib dikenakan had. Kebanyakan 'ulama', termasuk golongan Syafi'iyah berpendapat hukuman hudud boleh menghapuskan dosa seseorang atau menutupnya. Mereka berdalil dengan hadits 'Ubaadah yang sedang kita bicarakan ini. Ia memang jelas menunjukkan begitu. Ia juga disokong oleh riwayat sekian ramai sahabat, termasuk 'Ali bin Abi Thalib, Abu Tamimah, Khuzaimah bin Tsabit dan Ibnu 'Umar. Hadits 'Ali dikemukakan oleh Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Majah. Tirmizi menghukum haditsnya itu sebagai hasan. Haakim pula menghukum sahih. Hadits Abu Tamimah dikemukakan oleh at-Thabaraani dengan isnad hasan. Hadits Khuzaimah bin Tsabit dikemukakan oleh Ahmad, ad-Daarimi, ad-Daaraquthni, at-Thabaraani, al-Baihaqi, ad-Dhiyaa' al-Maqdisi, Abu Nu'aim dan lain-lain dengan isnad hasan. Hadits Ibnu 'Umar pula dikemukakan oleh at-Thabaraani secara marfu'. Tokoh-tokoh 'ulama' dalam mazhab Hanafi berbeza pendapat dalam masalah ini. Abul Hasan at-Thaalaqaani al-Hanafi dan Abu Bakar al-Kaasaani (pengarang kitab Bada'i'u as-Shanaa'i) berpendapat hukuman hudud menghapuskan dosa. Pengarang kitab ad-Durrul Mukhtar pula berpendapat hudud tidak menghapuskan dosa, ia hanya sebagai pencegah dan pengancam semata-mata. Beliau berdalil dengan firman Allah di dalam ayat muharabah berikut:

ذَٰلِكَ لَهُمْ جَزَاءٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: ...hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (Al-Maa'idah: 33). Ayat ini menunjukkan mereka akan diseksa di akhirat kelak setelah dikenakan hukuman had ke atas mereka di dunia. Kerana itu hukuman had bukan merupakan penghapus dosa. Golongan 'ulama' yang tidak bersetuju dengan mereka membantah dengan alasan ayat itu turun berkenaan dengan puak 'Uraniyyin yang telah murtad setelah mereka memeluk Islam. Jadi ayat ini di luar daripada tajuk perbincangan. Kerana itu ia tidak boleh dikemukakan sebagai dalil di sini. Justeru masalah yang sedang diperbincangkan sekarang ialah tentang orang-orang Islam. Memanglah tidak ada sesiapa pun mengatakan dosa-dosa orang kafir juga dihapuskan. Walaupun ayat ini tidak menjadikan kekufuran dan kemurtadan sebagai tajuk perbincangannya malah mengaitkan hukuman dengan perbuatan menyamun, maka siapa saja yang terlibat dengan perbuatan menyamun termasuk di bawahnya. Sama ada dia seorang muslim, murtad, kafir sejak asal lagi atau kafir zimmi. Tidak ada yang terkecuali. Menurut Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri, hukuman yang tersebut di dalam ayat ini mungkin mengambil kira keadaan pelakunya, bukan perbuatan yang dilakukan. Kerana ma'shiat yang sama tidak semestinya mengakibatkan balasan hukuman yang sama berat. Kalau ia dilakukan oleh seorang mu'min, hukumannya boleh jadi agak ringan kerana keistimewaan iman yang ada padanya berbanding dengan kalau ma'shiat itu dilakukan oleh seorang kafir. Oleh itu perbuatan menyamun oleh seseorang mu'min memanglah teruk dan dahsyat. Tetapi perbuatan yang sama oleh seseorang kafir lebih teruk dan lebih dahsyat lagi. Maka ayat di atas tidak boleh dijadikan dalil tentang orang Islam yang telah menjalani hukuman had di dunia ini

akan diseksa pula di akhirat nanti. Lantaran hukuman yang tersebut di dalamnya mengambil kira keadaan pelakunya, bukan mengambil kira perbuatan yang dilakukan. Boleh juga dikatakan hadits `Ubaadah mengkhususkan umum ayat atau menjelas dan mentafsirkannya. **Golongan Hanafi dan orang-orang** yang sependapat dengan mereka juga berdalil dengan firman Allah berikut:

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Maka barangsiapa bertaubat (di antara pencuri-pencuri itu) sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (al-Maa'idah: 39). Kata mereka, ayat ini menyusuli ayat hukuman potong tangan ke atas pencuri. Ia jelas menunjukkan hukuman had itu sendiri tidak menghapuskan dosa kecuali kalau pelakunya bertaubat dan memperbaiki diri. Pihak jumhur `ulama' pula membantah hujah ini. Kata mereka, tidak terdapat dalil di dalam ayat ini untuk maksud itu. Malah ma'na yang zahir bagi ayat itu ialah orang yang bertaubat sesudah melakukan perbuatan mencuri dengan erti keadaannya selepas itu elok dan dia memperbaiki diri di samping berazam untuk tidak melakukan lagi perbuatan yang sama, maka Allah menerima taubatnya, mengasihaniya dan menyucikannya daripada segala dosa. Adapun dosa mencurinya, ia telah pun hilang dengan terlaksananya hukuman had ke atasnya. Penghapusan dosa mencurinya tidak terhenti di atas taubat lagi. Pendek kata ayat ini hanya berkaitan dengan taubat dan perbuatan memperbaiki diri selepas melakukan sesuatu dosa seperti mencuri. Ia tidak ada kena mengena dengan dosa mencuri yang dilakukannya sebelum itu. Ada juga `ulama' berpendapat, ma'na ayat ini ialah orang yang bertaubat dari mencuri dan memperbaiki dirinya, Allah menerima taubatnya dan mengampuninya. Dengan erti gugurlah hak Allah daripadanya. Adapun hak manusia berupa potong tangan dan mengembalikan barang yang dicuri, itu tetap tidak gugur. Tetapi menurut asy-Syafi'e, hak manusia juga boleh gugur jika kes belum lagi diangkat kepada pemerintah dan orang yang barangnya dicuri pula mema'afkan. **Antara dalil golongan Hanafi dan orang-orang** yang sependapat dengan mereka dalam masalah ini lagi ialah firman Allah berikut:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥١﴾

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٢﴾

Bermaksud: dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasiq; (4) kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (5) (an-Nuur: 4-5). Kata mereka, ayat ini merupakan dalil paling kuat tentang pelaksanaan hukuman had tidak menyucikan qazif (orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya) daripada dosa dan tidak melepaskannya daripada kefasiqan kecuali setelah dia bertaubat. Ia menunjukkan Allah hanya menjanjikan keampunan dan rahmat kepada orang yang bertaubat dan memperbaiki diri setelah melakukan dosa-dosa seperti itu. Hujah ini dibantah oleh pihak jumhur `ulama' dengan kata mereka bahawa had qazaf bukan sebat sahaja, bahkan dua atau tiga perkara seperti tersebut di dalam ayat hukum qazaf yang dikemukakan tadi. (1) Sebat (2) Tidak diterima kesaksian dan (3) Menjadi fasiq kerananya. Walau bagaimanapun kedudukannya tidak sama. Hukuman sebat tidak terangkat

dengan bertaubat. Orang yang bertaubat tetap dikenakan hukuman sebat seperti orang yang terus melakukan kesalahan tersebut menurut ijma' `ulama'. Akan tetapi menurut Malik, Syafi'e dan Ahmad hukum tidak diterima kesaksian dan hukum menjadi fasiq boleh hilang dengan sebab taubat, berdasarkan istitsnaa' yang tersebut di dalam ayat itu berkait dengan kedua-dua jumlah yang terdekat sebelumnya. Berbeza dengan Abu Hanifah, kerana beliau berpendapat kesaksian qazif tetap tidak diterima buat selama-lamanya selagi ia masih hidup. Bagi beliau istitsna' di dalam ayat di atas hanya berkait dengan jumlah terakhir sahaja. Dengan itu yang hilang dengan sebab taubat di sisi beliau hanyalah nama fasiq sahaja. Adapun hukum tidak diterima kesaksian, ia terus kekal walaupun selepas bertaubat dan memperbaiki diri. Imam Abu Hanifah membezakan di antara hukum qazaf dengan hukum semua dosa besar yang lain, seperti zina, mencuri, minum arak, berjudi dan lain-lain. Beliau seperti tiga imam yang lain berpendapat kesaksian orang-orang yang bertaubat daripada dosa-dosa besar yang disebutkan tadi diterima setelah pesalah-pesalahnya dikenakan hukuman had. Beliau cuma berbeza daripada mereka tentang orang-orang yang bertaubat daripada dosa qazaf (menuduh orang berzina). Kerana bagi beliau kesaksiannya tidak boleh diterima buat selama-lamanya. Kalau tidak diterima kesaksian juga termasuk dalam had qazaf dan ia merupakan satu juzu' daripadanya, tidak seperti semua hukum had yang lain, sehingga penuduh yang telah bertaubat juga tetap tidak diterima kesaksiannya buat selama-lamanya menurut Abu Hanifah, maka nyatalah sudah bahawa hukum had qazaf berbeza daripada sekalian hukum hudud yang lain. Qazif tidak bersih daripada dosa qazafnya melainkan dengan taubat. Itulah yang zahir daripada ayat hukum qazaf di atas. Ini bererti ia berbeza daripada sekalian hukum hudud yang lain, kerana ia merupakan penghapus dosa dan menyucikan jiwa dengan sendirinya tanpa perlu kepada taubat setelah menjalani hukuman hadnya. **Antara dalil mereka lagi ialah** hadits Abi Umaiyah al-Makhzumi tentang seorang pencuri yang mengaku mencuri setelah dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. Setelah Rasulullah memerintahkan supaya tangannya dipotong, ia dibawa kembali kepada Baginda. Ketika itu Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: "Minta ampunlah kepada Allah dan bertaubatlah. Orang itu pun berkata: *أستغفر الله وأتوب إليك*. Maka Rasulullah s.a.w. pun berdoa: Ya Allah! Terimalah taubatnya. Hadits ini dikemukakan oleh Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah. Kata mereka: "Kalau hukuman had itu sendiri memang menghapuskan dosa, tidak perlu lagi ia beristighfar selepas tangannya dipotong. Tetapi Rasulullah s.a.w. tetap menyuruhnya beristighfar. Dengan itu dapat diketahui bahawa hukuman had itu sebenarnya adalah untuk ancaman dan pencegahan bukan sebagai penghapus dosa. Pihak jumhur `ulama' membantah hujah itu dengan mengatakan perintah Nabi s.a.w. supaya bertaubat itu ialah supaya orang berkenaan tidak melakukan lagi kesalahan yang sama pada masa akan datang. Boleh jadi juga Nabi s.a.w. menyuruhnya bertaubat daripada segala dosa. Apa ertinya kata-kata seseorang bahawa hukuman had tidak menghapuskan dosa setelah hadits-hadits yang sahih dengan jelas mengatakan ia adalah penghapus dosa-dosa?! Seseengah `ulama' mengambil sikap tawaqquf tentang sama ada hukuman had menghapuskan dosa atau tidak. Mereka tidak membuat apa-apa keputusan mengenainya. Alasan mereka ialah hadits Abi Hurairah yang meriwayatkannya daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda: *لا أدري الحدود كفارات لأهلها أم لا* Bermaksud: "Aku tidak pasti sama ada hudud itu menghapuskan dosa orang yang menjalaninya atau tidak." Hadits riwayat al-Haakim di dalam al-Mustadrak. Kata beliau, hadits ini sahih menurut syarat Bukhari dan Muslim. Ahmad dan al-Bazzaar juga turut meriwayatkannya di dalam Musnad masing-masing. Para `ulama' hadits berbeza pendapat tentang maushul atau mursalnya hadits ini. Menurut jumhur `ulama' hadits, hadits `Ubaadah lebih sahih dan kesahihannya disepakati. Berbeza dengan hadits Abi Hurairah ini seperti kata Qadhi `Iyaadh dan lain-lain. Hadits `Ubaadahlah

Antara Saranan Rasulullah S.A.W. Kepada Golongan Wanita.

١٧- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَىٰ أَوْ فِطْرٍ إِلَى الْمُصَلَّى فَمَرَّ عَلَى النِّسَاءِ فَقَالَ يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقْنَ فَإِنِّي أُرِيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ فَقُلْنَ وَبِمَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتٍ عَقْلٍ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِلْبَّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ قُلْنَ وَمَا نُقْصَانُ دِينِنَا وَعَقْلُنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ نَصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ قُلْنَ بَلَىٰ قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ عَقْلِهَا أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ قُلْنَ بَلَىٰ قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا - متفق عليه.

17- Abu Sa'id al-Khudri r.a.¹⁵⁰ meriwayatkan, katanya: "Pernah Rasulullah s.a.w. keluar pada suatu hari Raya Korban atau hari Raya Puasa ke mushalla.¹⁵¹ Beliau s.a.w.

yang sepatutnya diutamakan. Maka tidak ada sebab untuk bertawaqquf dalam masalah ini. Kalau diandaikan kedua-dua hadits 'Ubaadah dan Abi Hurairah sama tarafnya dan bercanggah di antara satu dengan yang lain, boleh juga kedua-duanya dijama'kan. Dengan mengatakan hadits Abi Hurairah terdahulu wurudnya. Ketika itu Rasulullah s.a.w. belum lagi mengetahui tentangnya, kemudian Baginda s.a.w. diberitahu oleh Allah. Kata Qadhi 'Iyaadh, "Kalau dikatakan 'Ubaadah mengetahui hadits ini di Mekah pada malam 'Aqabah ketika orang-orang Anshar berbai'ah buat kali pertama dengan Rasulullah s.a.w. di Mina, Abu Hurairah pula baru memeluk agama Islam pada tahun ketujuh semasa berlaku perang Khaibar. Bagaimana boleh hadits beliau terdahulu daripada hadits 'Ubaadah? Jawabnya: Mungkin Abu Hurairah tidak mendengarnya secara langsung daripada Nabi s.a.w. Sebaliknya mendengar daripada sahabat lain yang mendengarnya daripada Nabi s.a.w. lama sebelum itu dan Abu Hurairah tidak mendengar daripada Baginda s.a.w. selepas itu berhubung dengan hukuman hudud menghapuskan dosa orang yang menjalaninya seperti yang didengar oleh 'Ubaadah." Hafiz Ibnu Hajar pula berkata: "Bagi saya yang benar-benar hadits Abu Hurairah adalah sahih. Ia terdahulu daripada hadits 'Ubaadah. Bai'ah yang tersebut di dalam hadits 'Ubaadah dengan lafaz yang ma'lum itu bukan berlaku pada malam 'Aqabah." Selepas mengemukakan beberapa riwayat daripada sahih Bukhari, Muslim, Nasaa'i dan at-Thabaraani Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Ini merupakan dalil-dalil yang terang tentang bai'ah yang tersebut di dalam hadits 'Ubaadah itu berlaku selepas turunnya ayat Surah al-Mumtahanah. Ia bahkan berlaku selepas bai'ah orang-orang perempuan dengan Rasulullah s.a.w. malah selepas lagi daripada pembukaan Mekah. Dan ini semua berlaku selepas Islamnya Abu Hurairah.

¹⁴⁹ Hadits ini turut diriwayatkan oleh Ahmad, Tirmizi, Nasa'i dan lain-lain.

¹⁵⁰ Nama beliau ialah Sa'ad bin Malik bin Sinan bin 'Ubaid al-Anshari al-Khazraji. Beliau terkenal dengan kunyahnya iaitu Abu Sa'id al-Khudri. Sewaktu Perang Uhud beliau dikira masih kecil lagi dan tidak dibenarkan turut serta tetapi selepas itu beliau telah menyertai sebanyak dua belas peperangan bersama Rasulullah s.a.w. Perang yang pertama beliau ialah Perang Khandaq. Ayah Abu Sa'id al-Khudri telah syahid dalam Perang Uhud. Beliau